



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
DATO' HAJI ABDUL MALEK BIN HAJI MOHD NOOR
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU MENJADI SALAH SEORANG AHLI BINA BADAN
NEGARA**

DISEDIAKAN OLEH

**NUR HANIZA BINTI KAMARUDIN
NURAFIQAH BINTI ABDUL WAHAB**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 : SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (MAC 2014 – JULAI 2014)

IMR 604 : ORAL DOCUMENTATION

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
	Penghargaan	1
1.0	Abstrak	2
2.0	Singkatan	3
3.0	Biodata Penulis	4-5
4.0	Pengenalan	6-12
5.0	Transkrip Wawancara	13-65
6.0	Log Wawancara	1
7.0	Kronologi (Diari)	73-80
8.0	Biodata Tokoh	81
9.0	Senarai Soalan Wawancara	82-90
10.0	Ralat	91
11.0	Senarai Rujukan	92
12.0	Lampiran	93-99
13.0	Indeks	100-103

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami memanjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dapat melengkapkan tugas Dokumentasi Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai masalah dan halangan yang kami hadapi sebelum, semasa dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun atas berkat kesabaran kami dan pertolongan dari-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 iaitu Oral Documentation (Dokumentasi Lisan), Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala dorongan dan tunjuk ajar untuk menyiapkan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas bantuan yang telah diberikan dan kami amat menghargainya.

Setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kepada Dato' Haji Malek Noor, tokoh yang kami hormati di atas kerjasama yang telah berikan. Beliau telah banyak membantu kami di samping sanggup meluangkan masa yang agak lama untuk sesi temubual ini walaupun mempunyai pelbagai komitmen lain. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

1.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Dato' Haji Abdul Malek Noor Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Sukan Bina Badan

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dato' Haji Abdul Malek bin Mohd Noor mengenai penglibatan beliau dalam bidang sukan bina badan yang sudah hampir 30 tahun menceburkan diri dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau iaitu Wisma Universal Fitness and Leisure, Sri Damansara pada 8 April 2014 bermula jam 2.00 petang. Beliau merupakan ahli bina badan yang telah banyak mengharumkan nama negara di persada antarabangsa dengan memenangi pelbagai anugerah. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau berkecimpung dalam bidang bina badan ini. Selain itu, temubual ini menumpukan kepada pengalaman yang beliau lalui sepanjang menjadi ahli bina badan, pelakon, penyanyi dan ahli perniagaan. Di samping itu, beliau turut berpendapat bahawa sukan zaman kini berbeza dengan sukan pada zaman dulu.*

Kata kunci: Dato' Haji Abdul Malek Noor, ahli bina badan, penyanyi, pelakon, ahli perniagaan.

2.0 SINGKATAN

Berikut merupakan singakatan daripada temubual.

MSN : Majlis Sukan Negara

AMN : Ahli Mangku Negara

PIS : Pingat Ibrahim Sultan

DIMP : Darjah Indera Mahkota Pahang

AMH : American High School

BOC : Bisness Oppourtunity College

RWT : Resistance Weight Training

IFBB : International Federation of Body Building & Fitness

KL : Kuala Lumpur

CCTV :Kamera Litar Bertutup.